



1 - 15 MEI, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# LRT Pulau Pinang lulus jangka mula suku keempat 2024

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik pengumuman Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berhubung kelulusan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, meskipun pengumuman tersebut sesuatu yang sangat signifikan, namun masih terdapat kerja-kerja teknikal tambahan yang perlu diselesaikan sebelum memulakan kerja-kerja fizikal kelak.

“Kita menjangkakan beberapa bulan lagi sebelum memuktamadkan butiran dan memulakan kerja-kerja fizikal.

“Walau bagaimanapun, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya gembira dengan perkembangan terbaharu ini,” ujarnya ketika diminta mengulas mengenai kelulusan Jemaah Menteri berkaitan pada sidang media di sini 29 Mac lalu.

Menurut Kon Yeow, pada masa ini, Tapak Pesta di Sungai Nibong dikenal pasti sebagai lokasi depoh dan mencadangkan satu lagi depoh di Pulau Silikon.

“Bagi jajaran Tanjung Bungah ke Komtar pula, Kerajaan Negeri berharap pembinaannya dapat dibuat pada fasa berikutnya,” katanya.

Terdahulu, dalam siaran media bertarikh 28 Mac 2024, Siew Fook memaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pembangunan Projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang pada 22 Mac 2024.

“Secara rasmi, kerajaan telah memutuskan untuk melantik *MRT Corp*. iaitu syarikat 100 peratus milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) sebagai pemaju dan pemilik aset untuk projek tersebut.

“Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara tender terbuka manakala perolehan terbahagi kepada tiga komponen utama.

“Tiga komponen utama yang dimaksudkan adalah kontrak untuk kerja-kerja pembinaan sivil bagi Segmen 1 iaitu Jajaran Pulau Silikon ke Komtar; kontrak pembinaan sivil bagi Segmen 2 iaitu jajaran dari Komtar ke Penang Sentral melalui tender terbuka dan kontrak *‘turnkey’* kerja-kerja sistem dan stokereta secara *Build-Maintain-Transfer* (BMT) juga secara tender terbuka,’’ ulasnya dalam kenyataan berkaitan.

Mengulas lanjut, Siew Fook memberitahu bahawa SRS Consortium Sdn. Bhd. (SRS) akan ditawarkan kontrak ini melalui mekanisme *‘Single Sourcing Request for Proposal’*.

“Tawaran ini adalah berdasarkan permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah melantik SRS sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang merangkumi LRT Laluan Mutiara ini melalui tender terbuka pada Ogos 2015.

“SRS juga telah melaksanakan kajian-kajian teknikal dan reka bentuk awalan di samping memperoleh kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA); Penilaian Kesan Sosial (SIA) dan Skim Kereta Api bersyarat dan kesemua ini dibiayai dahulu oleh SRS.




“Nilai dan butiran terperinci kontrak yang berkaitan adalah tertakluk kepada proses rundingan antara MRT Corp. dan SRS dan perlu dimuktamadkan dalam tempoh masa enam bulan,” jelasnya.

Selain itu, katanya, pembinaan depoh operasi stokereta akan dirancang dan dibangunkan sekali dengan projek pembangunan bersepadu berorientasikan transit (TOD) di Tapak Pesta, Sungai Nibong secara usahasama antara MRT Corp. dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Strategi baharu ini bertujuan menjana hasil bukan tambang tambahan penting untuk dilaburkan balik dalam penyelenggaraan LRT Pulau Pinang pada masa hadapan," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau yakin bahawa Projek LRT Laluan Mutiara yang disasarkan bermula pada suku keempat tahun ini bukan sahaja memanfaatkan warga Pulau Pinang malahan memudahkan perjalanan pekerja yang berulang-alik dari Perlis, Kedah dan Perak Utara setiap hari dengan kesinambungan rangkaian Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad.


*(Sambungan di muka 2).*

# Taman perindustrian jana peluang pekerjaan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS** - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membuat pengambilan balik tanah berkeluasan 3,000 ekar di bahagian Seberang Perai dengan anggaran kos kira-kira RM3 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Aziz Bakar berkata bahawa langkah itu adalah bagi menyediakan lebih banyak taman perindustrian baharu serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi negeri.

> **"Nilai pelaburan yang didorong pelaburan langsung asing (FDI) telah menyumbang sebanyak RM61.7 bilion atau 85.8 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan negeri Pulau Pinang."**
>
> **- CHOW Kon Yeow.**

Beliau berkata demikian semasa menjelaskan mengenai rangka Pelan Strategik PDC Tahun 2024 - 2028 yang berpaksikan kepada LABS atau inovasi tanah, inovasi aset, perniagaan mampan dan profesional pintar.

"PDC LABS terdiri daripada empat teras utama dan 15 strategi yang mana implementasi strategi yang dirangka diyakini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang," jelasnya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2024-2028, Inisiatif Kelestarian dan GoDigital PDC di sini pada 25 Mac 2024.

Sebagai tambahan, Aziz turut menyatakan bahawa PDC dijangka akan berbelanja kira-kira RM5 bilion dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun bagi memastikan pertumbuhan berterusan ekonomi negeri berjaya.

Dalam pada itu, semasa merasmikan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya menaruh harapan tinggi agar kualiti taman-taman perindustrian di bawah seliaan PDC seperti Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP3) dan *Batu Kawan Technology Park* (BCPT) dengan konsep ketersediaan infrastruktur terus ditingkatkan.

"Selari dengan Visi Penang2030, PDC telah menetapkan matlamat dan inisiatif jelas untuk tempoh lima tahun (2024-2028) akan datang melalui pelan strategik baharu berpaksikan LABS.

"Pelan strategik ini bukan sahaja akan membawa PDC ke arah pertumbuhan berterusan, malah juga menekankan nilai-nilai kelestarian dan digitalisasi yang semakin penting dalam ekonomi global masa kini," ujarnya yang juga Pengerusi PDC.

Selain itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi turut menjelaskan bahawa RM71.9 bilion aliran masuk pelaburan ke Pulau Pinang merupakan rekod paling tinggi di negara ini.

Menerusi kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCIA), menurut beliau, Pulau Pinang berjaya memudah cara pelaburan sebanyak RM13.67 bilion pada tahun lepas di samping mencipta kira-kira 20,701 peluang kerjaya.

"Nilai pelaburan yang didorong pelaburan langsung asing (FDI) telah menyumbang sebanyak RM61.7 bilion atau 85.8 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan negeri Pulau Pinang.

"Saya yakin, situasi ini secara tidak langsung telah berjaya mengukuhkan keyakinan para pelabur antarabangsa dan tempatan terhadap potensi negeri (Pulau Pinang) sebagai antara lokasi pelaburan yang terbaik dalam negara," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow mengaku bahawa Taman Teknologi Pulau Pinang yang diwujudkan di Bertam adalah contoh taman perindustrian baharu di negeri ini.

"Maka, selain daripada usaha PDC membuka tanah-tanah untuk taman industri baharu, kita (Kerajaan Negeri) pun tidak dapat menghalang sektor swasta yang melihat ia sebagai suatu potensi (pelaburan).

"Memandangkan kita (Pulau Pinang) berjaya menarik pelaburan yang tinggi, ia (PDC) memerlukan tanah-tanah untuk ditawarkan kepada pihak pelabur," jelasnya lagi sambil memberitahu bahawa agensi negeri, Digital Penang turut akan memacu Pelan Induk Transformasi Digital (DTMP) secara serentak bagi menjana pertumbuhan ekonomi digital di Pulau Pinang.

---

*(Sambungan dari muka 1).*

# 'Tersangkut dalam kesesakan satu kos'

Sementara itu, dalam sidang media berasingan, Kon Yeow menegaskan bahawa kos yang terpaksa ditanggung oleh rakyat menjadi lebih tinggi sekiranya projek LRT tidak dilaksanakan di negeri ini.

Beliau berkata, rakyat tetap perlu membayar kos yang tinggi sekiranya Pulau Pinang tidak mempunyai sistem pengangkutan awam dan sistem jalan raya yang efektif dan efisien.

“Tersangkut dalam kesesakan lalu lintas setiap hari juga merupakan satu kos yang perlu ditanggung oleh rakyat dan Kerajaan Negeri.

“Walaupun projek LRT tidak dapat menyelesaikan 100 peratus isu kesesakan lalu lintas di seluruh Pulau Pinang, tetapi ini merupakan satu permulaan kepada pelbagai komponen projek lain seperti yang dirancang di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

“Ini merupakan satu usaha untuk memastikan pada masa akan datang, rakyat tidak perlu menanggung kos dan menghabiskan masa sehingga ribuan jam di jalan raya hanya kerana tersangkut dalam kesesakan lalu lintas,” ujarnya pada 1 April lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa majoriti penduduk di Pulau Pinang menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan projek LRT melalui pelbagai sesi libat urus yang dijalankan sebelum ini.

“Projek ini sudah melalui segala proses wajib sehingga mendapat kelulusan, dan dalam proses berkaitan, sesi libat urus serta lain-lain yang melibatkan pandangan awam telah diadakan.

“Saya percaya pertubuhan-pertubuhan, NGO-NGO serta individu-individu sudah memberikan maklum balas masing-masing.

“Justeru, saya berharap NGO yang masih membantah dapat melihat bahawa projek ini disokong oleh kebanyakan rakyat jelata kerana dalam sesi libat urus yang diadakan, kita peroleh sokongan rakyat melebihi 90 peratus,” katanya.

Difahamkan, Jajaran LRT Laluan Mutiara bermula dari Pulau Silikon hingga ke Komtar dan seterusnya menyeberang ke Penang Sentral di Seberang Perai adalah untuk memberi ketersambungan rangkaian kereta api KTM Komuter dan ETS (perkhidmatan tren laju antara bandar) sedia ada.

Jarak jajaran dianggarkan lebih kurang 29 kilometer dengan 20 stesen termasuk dua stesen pertukaran, iaitu di Stesen Komtar dan Stesen Penang Sentral. Pelaksanaan keseluruhan projek ini dijangka memerlukan tempoh masa lebih kurang enam tahun dan disasarkan beroperasi pada tahun 2030.




Oleh:
**AZMI HUSSIN**

# Wanita dalam kerjaya STEM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: ***TECH DOME PENANG***

PEMBABITAN wanita dalam bidang berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) masih dikatakan kurang jika dibandingkan dengan lelaki dan perlu ditingkatkan bagi merapatkan jurang gender dalam bidang berkenaan.

Pengurus Perkhidmatan Pentadbiran, Jabil Circuit Sdn. Bhd. (Jabil), **JENNY SEE** berkata bahawa di Pulau Pinang banyak pemain industri yang menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang STEM.

"Terutamanya dalam bidang kejuruteraan yang mana di Pulau Pinang terdapat ramai jurutera mahir dalam profesion masing-masing.

"(Dan) Pulau Pinang termasuk Jabil sendiri telah berjaya menarik ramai jurutera termasuk wanita berikutan pertumbuhan dan pembangunan industri berkaitan teknologi serta kejuruteraan di negeri ini," ujarnya ketika dihubungi Buletin Mutiara baru-baru ini.

Menurut beliau, usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kerjaya berteraskan STEM perlu difokuskan kepada pelajar di bangku sekolah.

"Contohnya, pelajar Tingkatan 3 yang mana mereka ini perlu didedahkan dengan pemahaman jelas bahawa subjek sains adalah menyeronokkan.

"Apatah lagi dengan perkembangan teknologi semasa dan peredaran zaman, anak-anak kini lebih terdedah dengan pengetahuan seperti robotik, lego dan pengekodan.

"Malah, kit pembelajaran yang ada kini kepada generasi muda juga amat berbeza berbanding kita dahulu, yang mana ini membantu mereka untuk berfikir di luar kotak dan ke hadapan," katanya.

Ditanya sama ada program *'Women in Zcience'* (WiZ) yang diadakan baru-baru ini membantu generasi muda khasnya para pelajar untuk lebih memilih jurusan sains, responnya, ya.

"Jika kita lihat sejak dua tahun lepas, 65 peratus peserta yang menyertai program tersebut memilih aliran sains apabila naik ke Tingkatan 4.

"Saya merasakan program tersebut adalah inisiatif yang baik sekali gus akan menggalakkan lebih ramai wanita memilih kerjaya dalam bidang STEM.

"Lagipun, seperti yang semua katakan, bidang kerjaya sains ini amat menyeronokkan," kata graduan bidang kejuruteraan dari Universiti Sains Malaysia (USM) itu.

Bercakap mengenai penglibatan Jabil dalam program WiZ, Jenny memberitahu bahawa fokus utama Jabil dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) adalah pendidikan dan STEM.

"Di Jabil, kami meraikan kepelbagaian dan keterangkuman termasuk memperkasa wanita melalui program-program yang dianjurkan.



**TIMBALAN Ketua Menteri II yang juga Exco Pembangunan Modal Insan dan Sains & Teknologi, Jagdeep Singh Deo (berkot biru, tengah) hadir menyempurnakan perasmian *'Women in Zcience'* di *Tech Dome Penang* baru-baru ini.**

"Jadi, selain program-program CSR, terdapat juga program khas untuk memupuk bakat-bakat muda melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat lain dalam industri bagi mencorak perjalanan dan pembangunan para pelajar agar mereka meneruskan kerjaya dalam bidang STEM ini.

"Misalnya, melalui program WiZ ini, Jabil menjadikan 40 pelajar perempuan dari sekolah tempatan sebagai 'anak angkat' dan menaja penyertaan dalam program tersebut," jelasnya yang juga merupakan *Jabil Cares Lead* untuk Jabil Malaysia.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Artec Malaysia, **MAH SIEW KIEN**, terdapat keperluan untuk pembaharuan dalam sistem pendidikan dan saintifik supaya lebih menarik kepada wanita untuk menceburi bidang STEM.

"Pertama sekali, memupuk semangat dan daya tarikan untuk meminati sains mestilah dari usia muda, terutama dalam membina kemahiran berfikir secara kritis.

"Malang sekali apabila kita membandingkan prestasi pelajar Malaysia dengan negara jiran melalui pentaksiran PISA *(Program for International Student Assessment)*, kita dapat lihat penurunan dan ia memerlukan perhatian serta tindakan segera.

"Oleh yang demikian, usaha untuk mempromosikan pendidikan berteraskan STEM oleh agensi kerajaan seperti MOSTI (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi) dan institusi seperti *Tech Dome Penang* patut dipuji.

"Sekolah pula harus mengutamakan latihan kemahiran dalam bidang robotik, pengekodan dan AI (Kecerdasan Buatan) serta kit pembelajaran moden untuk melengkapkan pelajar terutamanya pelajar perempuan dengan pengetahuan sewajarnya.

"Lagipun, penting untuk mencabar stereotaip gender tradisional dalam bidang kejuruteraan, misalnya, hari ini terdapat banyak disiplin kejuruteraan yang telah berjaya menarik minat dan bakat wanita, maka sudah lapuk kalau menganggap wanita tidak cenderung dalam bidang melibatkan fizikal atau kerja luar.



**MAH Siew Kien.**

"Saya percaya dengan usaha bersepadu pelbagai pihak bagi setiap lapisan, kita boleh mewujudkan komuniti saintifik yang lebih saksama," jelasnya yang juga Naib Pengerusi Bahagian Jurutera Wanita, Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Di dalam IEM, Siew Kien menumpukan pembabitan wanita dalam bidang kejuruteraan dan terlibat secara aktif sejak 2015 dengan mengadakan pelbagai program bertujuan memperkasakan wanita dalam bidang kejuruteraan dan STEM.

*(Sambungan di muka 5).*




**JENNY See (empat dari kiri) bersama-sama pasukannya dalam sambutan Hari Wanita Sedunia 2024 di Jabil.**

# Produk sulaman Khairos Imani

**BERBEKALKAN** kemahiran asas menjahit, **KHAIRIYAH GHAZALI**, 45, mengambil keputusan memulakan perniagaan jahitan pakaian secara tidak formal selepas berhenti kerja pada tahun 2007.

Ketika itu, beliau hanya mengambil tempahan secara kecil-kecilan daripada penduduk setempat dengan memperoleh pendapatan kira-kira RM700 sebulan.

Kini, pemilik perniagaan Khairos Imani Enterprise itu tidak menyangka bahawa perniagaannya kini mampu menjana hasil menguntungkan selain produk keluarannya berjaya menembusi pasaran antarabangsa.



KHAIRIYAH Ghazali menunjukkan produk-produk yang dihasilkan.

## Tingkatkan kemahiran

Khairiyah berkata, perubahan itu berlaku selepas beliau menyertai kursus empowerNCER - Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang digerakkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) pada tahun 2021.

"Pada masa itu, perniagaan saya merosot teruk kerana kurang mendapat tempahan daripada pelanggan akibat penularan pandemik COVID-19.

"Di sebalik fasa penuh mencabar itulah, saya mengetahui bahawa pihak Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menganjurkan kursus dan latihan khusus untuk membantu peniaga yang terkesan meneruskan perniagaan masing-masing.

"Tanpa membuang masa, saya terus sertai program ini dengan niat hanya untuk mengembangkan lagi kemahiran jahitan memandangkan kursus yang ditawarkan oleh NCER adalah secara percuma.

"Melalui kursus ini, saya memperoleh ilmu kemahiran dalam dua teknik iaitu jahitan sulaman dan jahitan fesyen," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui dekat Lotus's Seberang Jaya pada 22 Mac lalu.

Khairiyah menyatakan bahawa penyertaannya dalam empowerNCER juga telah memunculkan idea untuk menghasilkan jahitan sulaman kebaya Nyonya mini yang kini menjadi antara produk yang mendapat permintaan tinggi.

Tambahnya, tidak semua orang suka memakai kebaya kerana itu beliau menampilkannya dalam bentuk cenderahati untuk menarik lebih ramai orang membeli dan seterusnya mengenali pakaian tradisional tersebut.

"Ia juga merupakan antara usaha dalam memartabatkan seni sulam terutama buat golongan belia agar mereka juga berminat seterusnya menjaga warisan seni ini.


JAHITAN sulaman memerlukan ketelitian.

"Kalau boleh saya mahu semua orang bukan sekadar minat tetapi mampu membuat seni sulam ini seterusnya memasarkannya ke peringkat antarabangsa," ujarnya yang masih menggunakan mesin manual bagi mengekalkan kehalusan sulaman.

## Tempahan dari Singapura, London

Khairiyah dalam pada itu, memberitahu bahawa terdapat tiga rekaan yang ditawarkan kepada pelanggan antaranya kebaya lengkap, baju sahaja atau kebaya mini dan potongan kebaya yang diletakkan dalam bingkai gambar.

"Saya buat dalam pelbagai saiz kerana kita nak tunjuk proses jahitan dan bagaimana bahagian-bahagian kebaya itu dilakukan.

"Tambahan pula, kebaya merupakan produk yang memperlihatkan potongan yang cantik dan apabila dimasukkan dengan sulaman, ia nampak lebih menarik serta unik.

"Saya guna jahitan sulaman (mesin dan sulam tangan) untuk mengekalkan ciri-ciri kehalusannya," jelasnya sambil menyatakan bahawa harga yang ditawarkan adalah bermula daripada RM250 sehingga RM8,000 mengikut jenis kain, corak serta saiz.

Khairiyah turut bernasib baik apabila produknya mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja dari dalam negara bahkan pernah menerima tempahan dari Singapura dan London.

"Ketika itu, individu tersebut datang ke Malaysia untuk bercuti dan apabila melihat kebaya mini tersebut, mereka berminat untuk meletakkannya dalam galeri mereka yang terdapat di London.

"Ia merupakan satu penghargaan yang tidak ternilai yang mana hasil tangan saya akhirnya dipamerkan di negara luar sekali gus berjaya membuka mata ramai orang.

"Di Singapura pula, produk saya mula mendapat permintaan daripada pelanggan selepas saya menyertai sebuah ekspo di sana dengan bimbingan pihak NCER," ulasnya sambil menambah bahawa adakalanya beliau memerlukan masa sebulan untuk menyiapkan satu tempahan.

Tambah beliau, seni sulaman Nyonya tidaklah sukar sebaliknya ia bergantung kepada minat seseorang individu namun jika betul teknik serta cara yang diajar, pasti sesiapa sahaja mampu melakukannya.

"Masalah yang saya hadapi ketika ini adalah kekurangan tenaga mahir yang boleh menghasilkan sulaman, oleh itu semua tempahan untuk jahitan sulaman dilakukan oleh saya sendiri.

"Bagi mengatasi masalah ini, saya berhasrat untuk mengadakan kelas sulaman untuk komuniti setempat terutamanya anak muda dan golongan suri rumah yang berminat untuk belajar jahitan sulaman.

"Justeru, anak muda yang masih mencari kerja boleh datang ke bengkel saya di Penaga untuk belajar seni sulaman. Di bengkel tersebut mereka akan diajar asas sulaman dan jahitan kebaya daripada mula sehingga mampu menghasilkan sepasang baju.

"Menerusi seni ini, mereka boleh membuat perniagaan berasaskannya dan saya jamin ia dapat menjana pendapatan," serunya.

*(Sambungan di muka 5).*

(Sambungan dari muka 4).

# tembusi pasaran antarabangsa

Sementara itu, Ketua Pejabat Negeri NCIA Pulau Pinang, **NURUL SAIDATUL NADIA ZULKIFLI** berkata bahawa program empowerNCER-Kursus Latihan Kemahiran dan Keusahawanan bermula sejak tahun 2019 melibatkan 200 peserta di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

"Selepas kita melihat sambutan yang amat baik daripada peserta maka kerajaan terus memberikan kepercayaan kepada NCIA untuk meneruskan program ini ke fasa kedua.

"Bagi fasa kedua, kita buat program ini di daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS), Timur Laut dan Barat Daya melibatkan 800 peserta iaitu 200 peserta bagi setiap daerah.



NURUL Saidatul Nadia Zulkifli.

"Kemudian kita dapati di negeri Pulau Pinang, kebanyakan peserta menunjukkan prestasi yang amat baik dan cemerlang, jadi kerajaan teruskan program ini ke fasa ketiga yang melibatkan kelima-lima daerah di negeri ini dengan membabitkan 750 peserta," katanya kepada Buletin Mutiara.

Nurul Saidatul Nadia menyatakan bahawa melalui program tersebut, NCIA melakukan kajian pemprofilan selain melantik penyedia perkhidmatan bagi memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah mengikut permintaan pasaran di daerah masing-masing.

"Selepas selesai proses pemprofilan, kami bergerak ke fasa seterusnya dengan memberikan latihan kemahiran keusahawanan yang merangkumi teori dan latihan industri.

"Kita tawarkan pelbagai kursus seperti jahitan, bakeri dan kursus teknikal seperti membaiki telefon bimbit, penyaman udara serta pendawaian elektrik.

"Selain menjalani latihan industri selama tiga bulan, peserta juga akan didedahkan dengan kemahiran insaniah yang sangat penting untuk membantu peserta mengusai pendigitalan, e-dagang dan pemasaran perniagaan secara dalam talian," jelasnya.

Mengulas lanjut, Nurul Saidatul Nadia berkata, para peserta akan dibekalkan dengan peralatan asas selepas tamat tempoh latihan bagi memastikan mereka dapat mengembangkan lagi perniagaan atau memulakan perniagaan baharu.



SETIAP produk sulaman yang ditempah oleh pelanggan dijahit sendiri oleh Khairiyah Ghazali.

"Peralatan yang kami sediakan adalah mengikut saranan daripada penyedia latihan agar ia sesuai dengan perniagaan apa yang peserta ingin atau sedang jalankan.

"Selepas itu, kami akan teruskan kepada fasa bimbingan yang mana para peserta akan dipantau bagi memastikan mereka mencapai sasaran ditetapkan.

"Dalam proses ini, kami juga akan membantu mereka untuk meningkatkan jualan dan perkhidmatan termasuk pemasaran serta penjualan produk secara dalam talian," katanya sambil menambah bahawa setiap peserta perlu berusaha untuk meningkatkan perniagaan masing-masing.

(Sambungan dari muka 3).

# Cabar stereotaip gender tradisional

"Terutama sekali kerjasama IEM dengan *Tech Dome Penang* dalam WiZ merupakan kejayaan penting ke arah usaha memupuk kepelbagaian dan keterangkuman dalam kerjaya STEM.

"Negara kita sedang menuju ke arah masa depan yang bergantung pada prinsip ESG *(Environmental, Social and Governance)* dan peranan STEM dalam memacu kepelbagaian serta kemampanan menjadi semakin kritikal.

"Oleh itu, usaha yang berterusan perlu digembleng bagi membolehkan wanita mengharungi apa jua cabaran dalam apa jua bidang dengan lebih yakin dan berjaya." katanya.

Pengurus Kanan (Pemasaran dan Komunikasi) Tech Dome Penang, **OUN SUI LENG** ketika dihubungi memberitahu bahawa sesuai dengan tema penganjuran tahun ini iaitu 'Wanita Pemangkin Kecemerlangan STEM' *('Women Catalysing STEM Excellence')*, penganjuran WiZ kali ini mencapai matlamatnya dalam memupuk minda saintifik di samping meningkatkan pembabitan wanita bagi bidang yang didominasikan oleh lelaki itu.

"Setakat ini, program tersebut telah berjaya memupuk minat golongan muda khususnya dalam kalangan pelajar perempuan.

"Namun pihak kami *(Tech Dome Penang)* masih berharap usaha sebegini dapat terus dipupuk melalui pelbagai program dan inisiatif dari masa ke masa.

"Pastinya, kami mahu melihat lebih ramai lepasan sekolah atau universiti menjadi penyelidik, jurutera atau apa juga kerjaya dalam bidang STEM ini," ulasnya kepada Buletin Mutiara.

Tambah beliau, peratusan penyertaan wanita dalam STEM kini telah meningkat kepada 87 peratus dan berharap lebih ramai lagi wanita tampil menceburi bidang STEM sebagai pilihan kerjaya pada masa hadapan.

"Pihak kami *(Tech Dome Penang)* mahu melihat golongan muda khasnya pelajar perempuan sama ada pada peringkat sekolah mahupun universiti agar terus berusaha mengejar cita-cita sekiranya mereka mempunyai minat dalam bidang sains dan teknologi.

"Sebab itu, kami amat menghargai usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang cakna dengan perkembangan sains dan teknologi semasa serta kepentingan STEM untuk masa hadapan," jelasnya.

Seramai 250 pelajar dari enam sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Gambir; SMK Bukit Jambul; Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Convent Datuk Keramat; SMJK Perempuan China; SMK Perempuan St. George dan SMK Tinggi Bukit Mertajam menyertai program WiZ tahun ini.

Setiap penyertaan sekolah ditaja oleh syarikat seperti *Intel, Analog Devices, Flex, Jabil, Mi Equipment* dan *ViTrox*.

Difahamkan, WiZ merupakan program hasil inisiatif *Tech Dome Penang* bersama-sama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan disokong oleh Bahagian Kejuruteraan Wanita, IEM.




ANTARA penghargaan yang diperoleh melalui pertandingan bertemakan STEM.

# empowerNCER suntik kemahiran luaskan rangkaian perniagaan

**MEMULAKAN** perniagaan dengan hanya menjual air balang, kini ikon usahawan muda melalui program empowerNCER, **ABDUL MATIIN MOHD. SHAHLAN**, 28, berjaya mengusahakan perniagaan sendiri di premis miliknya dekat Teluk Kumbar.

Baru-baru ini, pemilik *Teenfix Studio* itu berkesempatan berkongsi pengalaman jatuh dan bangun beliau dalam dunia perniagaan sempena wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **SITI NURATIKAH RAHMAT**.

Menurut Abdul Matiin, beliau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan selepas mendirikan rumah tangga bersama pasangannya, Siti Maisarah Ismail, 28.

"Saya menetap di bahagian pulau, setelah berkahwin saya dan isteri berpindah ke Seberang Jaya dan memulakan perniagaan air balang di pasar malam dan di tepi-tepi jalan.

"Setelah berlakunya pandemik COVID-19, perniagaan saya sedikit sebanyak terjejas dek perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikeluarkan sewaktu itu.

"Kemudian, menjelang tahun 2021 baru saya dimaklumkan melalui kenalan tentang program empowerNCER-Latihan Kemahiran dan Keusahawanan bagi Daerah Timur Laut dan tanpa berfikir panjang saya mengambil keputusan menyertai program tersebut," ujarnya yang memiliki diploma dalam bidang teknikal.

Mengulas lanjut, Abdul Matiin berkata bahawa sekitar tahun 2022, beliau telah berjaya membuka premisnya sendiri dekat Teluk Kumbar melalui perniagaan perkhidmatan pembaikan telefon bimbit.

"Melalui bimbingan yang telah diberikan oleh barisan guru dan kenalan di program empowerNCER, syukur alhamdulilah saya jadi lebih yakin untuk mengusahakan perniagaan sendiri.

"Selain itu, bimbingan yang diberikan sangat membantu dalam mengembangkan lagi perniagaan ke peringkat lebih tinggi dan secara tidak langsung menambah tahap keyakinan saya.

"Berbekalkan latihan dalam kursus pembaikan telefon bimbit, kini saya telah berjaya menjadi usahawan telefon bimbit dan memiliki premis sendiri serta mempunyai empat kakitangan berstatus tetap.

"Rekod jualan juga berjaya mencecah RM85,000 pada Disember lepas, dan lebih membanggakan saya turut diberikan Anugerah Ikon Lelaki Terbaik Program empowerNCER Daerah Timur Laut bagi tahun 2022," jelasnya.

Tambah Abdul Matiin, perkhidmatan pembaikan telefon yang ditawar di premisnya adalah pada harga berpatutan mengikut kadar pasaran semasa.

"Antara perkhidmatan yang disediakan adalah jualan pelbagai jenama telefon pintar terutamanya *iPhone*, pembaikan LCD (paparan hablur cecair), penggantian bateri, pemindahan data dan juga aksesori.

"Sebagai makluman, kakitangan di *Teenfix Studio* mahir dalam bidang pembaikan, saya turut berkongsi ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui latihan yang dijalani, apabila sudah mahir baru saya benarkan mereka membaiki bagi menjamin kepuasan hati pelanggan," katanya yang aktif mempromosi *Teenfix Studio* melalui platform media sosial *TikTok*.

Mengakhiri sesi wawancara, Abdul Matiin sempat berkongsi cabaran dan harapan beliau dalam menjayakan lagi perniagaannya pada masa hadapan.

"Saya seorang yang sukakan cabaran serta sering berpesan kepada diri sendiri agar tidak kekal di zon selesa, buktinya walaupun pelbagai liku perlu dihadapi, saya tetap cekal mencapai matlamat dan visi hidup.

"Oleh itu, saya berharap dengan kejayaan yang telah ditonjolkan ini, ia mampu memberi inspirasi kepada usahawan muda lain yang ingin memulakan perniagaan, serta jangan malu dan segan untuk menyertai program empowerNCER bagi meluaskan rangkaian perniagaan.

"Jika ada rezeki, saya dan isteri berhasrat untuk meluaskan perniagaan *TeenFix Studio* dengan membuka beberapa cawangan baru di sekitar Pulau Pinang kelak," kongsinya menutup bicara.




**ABDUL Matiin Mohd. Shahlan menunjukkan trofi Anugerah Ikon Lelaki Terbaik Program empowerNCER Daerah Timur Laut bagi tahun 2022 yang dimenanginya.**



**PEMBAIKAN peranti dilakukan dengan teliti.**

# Jamu selera dalam suasana lebih selesa



KEADAAN bumbung yang lebih luas.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PENGUNJUNG** dan peniaga di Kompleks Makanan Padang Brown kini dapat menjamu selera dalam suasana yang selesa setelah kerja-kerja menaik taraf bumbung siap pada 14 Mac lalu.



TEH Lai Heng.

Dalam sesi lawatan ke kompleks makanan berkenaan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, **TEH LAI HENG** berkata bahawa hanya kerja-kerja pembersihan sisa binaan di kawasan sekitar oleh pihak kontraktor yang perlu disempurnakan.

"Saya rasa masih sempat kerja pembersihan disiapkan kerana peniaga di bahagian halal akan memulakan perniagaan selepas Aidilfitri nanti.

"Saya berharap naik taraf ini akan menjadikan tempat ini lebih selesa walaupun pada hari yang ramai pengunjung kerana kini meja makan tidak lagi diletakkan di atas rumput.

"Lagipun, naik taraf ini adalah bertujuan untuk menyediakan tempat makan yang lebih selesa kepada pengunjung terutama daripada cuaca panas dan hujan," ujarnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.



BENJI Ang Ming Quan.

Sementara itu, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **BENJI ANG MING QUAN** yang turut serta dalam sesi lawatan itu memberitahu bahawa selain menaik taraf bumbung, kerja-kerja pemasangan lampu juga telah disiapkan.

"Skop kerja bagi projek menaik taraf ini termasuklah pemasangan lampu dan juga kipas yang mana (pemasangan kipas) akan disiapkan dalam tempoh singkat ini," katanya.

Berhubung ruangan parkir, Ming Quan menyeru kepada pengunjung supaya tidak meletakkan kenderaan di bahu jalan kerana ia membahayakan pengguna jalan raya lain.

"Di sini, ruangan parkir adalah mencukupi, sekiranya ramai, pengunjung masih boleh meletakkan kenderaan di kawasan parkir berhampiran, cuma jangan letak kenderaan di bahu jalan," serunya.

Difahamkan, projek bernilai RM389,195 berkaitan adalah hasil maklum balas para peniaga ketika Ketua Menteri mengadakan Jelajah LovePENANG ke kompleks makanan berkenaan tahun lalu.



AFDHAL Zulkifli.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara turut berpeluang menemu bual salah seorang pengunjung yang sering menjamu selera di Kompleks Makanan Padang Brown, **AFDHAL ZULKIFLI**.

Menurut beliau, sebelum ini sekiranya hujan, peniaga susah mencari 'makan' manakala pengunjung pula memilih tempat yang lebih selesa dan berbumbung.

"Jadi dengan adanya bumbung baharu yang lebih luas ini, sekurang-kurangnya memberi impak positif kepada peniaga dan pengunjung," katanya yang sering singgah menikmati celur-celur popular di kompleks makanan tersebut.



Seorang lagi pengunjung, **NOOR SALAWATI MD. SHARIFF** memaklumkan bahawa naik taraf bumbung tersebut memberi keselesaan terutamanya yang berkeluarga besar sepertinya.

"Untuk keluarga besar macam saya, memang senang dan lebih mudah apabila kawasan makan turut diperbesar selari dengan bumbung, paling penting kalau hujan tidak perlu lari-lari macam sebelum ini," ujarnya.



NOOR Salawati Md. Shariff (berbaju ungu) bersama-sama keluarganya.



SIM Seng Teong.

Bagi peniaga, **SIM SENG TEONG**, beliau berharap agar sisa binaan dapat dibersihkan secepat mungkin.

"Saya harap keadaan tempat makan ini berada dalam keadaan bersih tanpa habuk dan pasir untuk menjamin keselesaan pelanggan serta kebersihan setempat.

"Kalau tidak dibersihkan dengan sempurna takut ada kecederaan kepada pengunjung," katanya.

# Beacon of tarikan pelancong




**BALAI Bomba dan Penyelamat Malaysia dekat Lebuh Pantai yang berusia kira-kira 116 tahun merupakan antara bangunan warisan ketara yang terdapat di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.**

**BALAI** Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai ini turut menyediakan ruang pameran koleksi terhad ala muzium buat sekalian pengunjung.

Bangunan ini tersenarai dalam direktori lokasi tumpuan pelancongan utama, baik dalam kalangan pengunjung tempatan mahupun pengembara antarabangsa, kerana di dalamnya sarat dengan sejarah jatuh bangun perjuangan sekalian anggota bomba di bandar raya tersebut sejak lebih100 tahun lampau.

Pelbagai monumen dipamerkan pada bahagian utama bangunan balai bomba tersebut, meliputi peralatan-peralatan lama dan baharu yang digunakan dalam kerja-kerja penyelamatan, sampailah inovasi seragam anggota barisan hadapan bomba sehingga kini.

Mulanya, pada 21 Mac lepas, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** cuba mendapatkan komentar lanjut daripada Penolong Penguasa Bomba (PPgB), **TUAN MAHADZIR MAGRIBI** berhubung projek *'Beacon of Hope Mural'*.

Selepas itu, pada 28 Mac 2024, menerusi telefon, Buletin Mutiara berjaya mendapatkan maklum balas lanjut daripada Pegawai Bomba Kanan 2 merangkap Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Pantai, **TUAN MOHAMMAD AZWAN ABD. SHUKOR**.

"Satu-satunya balai (bomba) tertua di Malaysia yang beroperasi seperti biasa selama 24 jam sehari serta dijadikan muzium adalah di Lebuh Pantai.

"Bomba ini disegani bukan sahaja oleh masyarakat di Malaysia sahaja, malah turut disanjung tinggi oleh masyarakat dunia kerana di kebanyakan negara memang ada anggota bomba yang melakukan kerja-kerja penyelamatan nyawa dan harta benda awam.

"Di Malaysia, Balai Bomba Lebuh Pantai ini sahaja, pengunjung dan pelancong boleh masuk seperti biasa tanpa didakwa atau caj, kerana di bangunan warisan Kalas 1 ini ada muzium yang menyimpan pelbagai koleksi terhad berkaitan perkhidmatan kami sejak mula beroperasi pada 1908 dulu.




**'MURAL Harapan' dekat lorong belakang bangunan Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai turut mengabadikan tujuh anggotanya termasuk Muhammad Adib Mohd. Kassim yang menemukan ajal semasa dalam tugas, untuk tatapan sekalian pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa di sini.**

"Sejak bangunan ini dibina pada 1908, hingga kini para pengunjung memang boleh nampak kesan-kesan peluru pada bangunan kerana ia wujud sejak Perang Dunia Kedua.

"Di tingkat satu bangunan ini, masih berlantaikan papan iaitu mengekalkan struktur awal bangunan warisan ini yang dipelihara dan dipulihara sehingga kini.

"Dari luar, bangunan balai bomba dengan warna merah dan putih, memang menonjol dan menyerlah, kata pelancong, ia kelainan dan nampak seperti bangunan bomba di luar negara dan negara-negara Eropah.

"Selain itu, dari *Swettenham Pier*, pelancong yang menaiki kapal penyiaran antarabangsa di pelabuhan itu memang boleh melihat bangunan Balai Bomba Lebuh Pantai.

"Lorong Belakang ini adalah milik Majlis (Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) sebenarnya, cuba dibenarkan untuk mewujudkan projek mural, *'Beacon of Hope Mural'*.

"Macam saya sebutkan, di kebanyakan negara luar, bomba begitu disegani dan disanjung tinggi, maka, apabila mereka datang ke *Beacon of Hope Mural* dan melihat lukisan dinding termasuk beberapa anggota bomba yang terkorban semasa dalam tugas, rata-rata menzahirkan rasa hormat dengan anggota bomba di negara Malaysia ini juga.



**TUAN Mohammad Azwan Abd. Shukor.**

"Jadi, tidak keterlaluan sekiranya dikatakan, dengan mewujudkan *Beacon of Hope Mural* ini, bukan sahaja menambahkan daya tarikan pelancongan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, malah kepada sektor pelancongan negara terutama di negeri Pulau Pinang ini," jelasnya sambil merakamkan penghargaan atas liputan berkaitan yang dibuat oleh Buletin Mutiara.

Nada hampir serupa turut dikongsikan oleh seorang pegawai bomba lain semasa tinjauan lapangan di balai tersebut baru-baru ini.

"Kita masih mengamalkan peranan hakiki sebagai anggota bomba iaitu melaksanakan tugas-tugas penyelamatan semasa berlaku kebakaran, iaitu memadamkan, melawan, mencegah dan mengawal api serta menjaga keselamatan awam dan harta benda (jika berlaku kebakaran).



**PELBAGAI koleksi terhad berkaitan perkhidmatan bomba sejak beroperasi pada 1908 yang dipamerkan.**

# Hope Mural
## papar perjuangan bomba




"Balai ini beroperasi seperti biasa dengan 28 anggota bertugas dalam tiga pasukan, serta melibatkan penempatan di 15 kuarters anggota.

"Selain sebagai balai bomba, seperti yang dapat dilihat, di sini macam 'muzium bomba' juga dibuka kepada pengunjung dan pelancong, sesuai dengan adanya bangunan warisan dan operasi penyelamatan yang wujud di sini sejak tahun 1908 lagi," ujarnya.

Bagi mengetahui dengan lebih jelas mengenai peranan hakiki serta sumbangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada negara sehingga saat ini, Buletin Mutiara dibawa melawat lorong bersebelahan bangunan balai tersebut.

Ada pelbagai lukisan mural yang begitu cantik dan indah, dengan sekurang-kurangnya membawa 18 mesej tersendiri yang memperihalkan mengenai tugas-tugas hakiki serta sejarah pengorbanan anggota bomba, untuk tatapan pengunjung.

"Ke lorong mural *'Beacon of Hope Mural'* ini, akan kita lihat rupa-rupanya tugas hakiki sekalian anggota bomba bukan sahaja melakukan kerja-kerja penyelamatan awam dan harta benda, semasa kejadian kebakaran.

"Ada macam-macam lagi tugas hakiki bomba yang mungkin di luar jangkaan orang awam, antaranya, kerja-kerja penyelamatan di tapak kejadian tanah runtuh, bencana banjir, operasi mencari dan menyelamat (SAR), *'helicopter rescue'*, kerja-kerja menyelamat binatang peliharaan, operasi menangkap haiwan berbisa, kerja-kerja menyelamat berkaitan kemalangan jalan raya dan operasi menyelamat kenderaan mangsa," katanya.

Menurut seorang pengunjung, paling menarik adalah lukisan mural ala tiga dimensi (3D) yang interaktif, memperihalkan keberanian anggota bomba mempertaruh nyawa sendiri meredah marakan api bagi menyelamat mangsa kebakaran.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, **WONG YUEE HARNG** menyatakan bahawa sehingga kini peranan hakiki sekalian anggota di Balai Bomba Lebuh Pantai memang tidak dapat dinafikan.

"Selain peranan hakiki, mereka melakukan kerja-kerja penyelamatan nyawa dan harta benda awam di bandar raya ini, mereka juga memainkan peranan tambahan yang begitu penting apabila di Balai Bomba Lebuh Pantai ini ada muzium terbuka untuk pelancongan tempatan dan pelancong asing," ulasnya.

Difahamkan oleh anggota bomba bertugas, 'Mural Harapan' ini sebenarnya diilhamkan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang, PKPjB Saadon Moktar dengan tujuan menyemarak kesedaran positif pada kerja-kerja penyelamatan yang dilakukan oleh sekalian anggota barisan hadapan berkenaan di Balai Bomba Lebuh Pantai, dalam kalangan penduduk bandar raya ini khususnya.

